

Pelajar menang Proton Savvy

KUALA LUMPUR 17 Mac - Seorang pelajar tahun pertama Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak menyangka penyertaannya dalam peraduan 'SMS dan Menang' sempena Pameran Power of 1 anjuran Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (Proton) akan membawa tuah kepadanya.

Lebih menarik, Sarah Helmy, 20, berasal dari Kota Kinabalu, Sabah, memenangi sebuah Proton Savvy 1.2 yang akan memudahkannya ketika menuntut di universiti tersebut.

"Saya mengetahui peraduan itu melalui laman sosial Facebook dan tidak meletakkan sebarang harapan untuk memenanginya kerana penyertaan saya hanya sekadar mencuba nasib dan tuah telah menyebelahi saya," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah di sini hari ini.

Beliau yang kini menuntut dalam bidang perubatan veterinar berkata, hadiah itu juga dapat mengurangkan beban bapanya yang bercadang membelikannya sebuah kereta bagi kegunaan semasa belajar.

"Ini adalah kereta pertama saya dan tidak bercadang untuk menjualnya. Saya akan menggunakan



JOHN D. Chacko menyampaikan hadiah kepada Sarah Helmy yang memenangi Proton Savvy pada peraduan 'SMS dan Menang' sempena pameran Power of 1 di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur, semalam.

kereta ini untuk kegunaan harian semasa belajar," ujarnya.

Sarah adalah pemenang pertama peraduan tersebut yang menawarkan tiga buah Proton Savvy 1.2 sebagai hadiah utama dan pelbagai hadiah sampingan buat mereka yang bertuah.

Sementara itu, Pengarah Pemasaran, Jenama dan Motorsports Proton, John D. Chacko berkata, pameran di Stadium Nasional Bukit Jalil

itu merupakan pameran automotif luar terbesar yang pernah dianjurkan Proton dan berlangsung selama lima hari sebelum berakhir esok.

"Melalui pameran ini, pengunjung bukan sahaja dapat melihat pelbagai demonstrasi kereta Proton yang diadakan, malah pengunjung juga dapat mengetahui proses pembuatan kereta Proton dari mula hingga siap," katanya.